





# JABATAN PERTANIAN



## TATACARA OPERASI PIAWAI

1.3.10/0010/BKP/0001

### TATACARA OPERASI PIAWAI PEMANTAUAN PROJEK KERJA KEJURUTERAAN

PERKARA	DILULUSKAN	DIDAFTARKAN
TANDATANGAN		
NAMA	DATO' ZAHIMI BIN HASSAN	MOHD NAZRI BIN ABU SEMAN
JAWATAN	KETUA PENGARAH PERTANIAN	PENGARAH BAHAGIAN PERANCANGAN STRATEGIK
TARIKH	17 JANUARI 2023	17 JANUARI 2023



**JABATAN  
PERTANIAN**

**BAHAGIAN  
KEJURUTERAAN  
PERTANIAN**

**Bil. Muka  
Surat** 9

**Tarikh  
Kuatkuasa** 17.01.23

**Bil. Pindaan** 0

**NO. PENDAFTARAN TOP:  
1.3.10/0010/BKP/0001**

**TATACARA OPERASI PIAWAI  
PEMANTAUAN PROJEK  
KERJA KEJURUTERAAN**

**Tarikh Akhir  
Kemaskini** 16.01.23

**PEMILIK SOP**

**BAHAGIAN KEJURUTERAAN PERTANIAN**

**Tatacara Operasi Piawai  
Pemantauan Projek Kerja Kejuruteraan**

**BUTIRAN PINDAAN**

Adalah menjadi tanggungjawab pemilik TOP ini untuk memastikan dokumen ini sentiasa dikemaskini dengan memasukkan semua pindaan-pindaan yang dibuat di dalamnya.

**BUTIRAN PINDAAN**

<b>Tarikh</b>	<b>No. Para</b>	<b>Muka Surat</b>	<b>Bentuk Pindaan</b>	<b>Diluluskan</b>



JABATAN  
PERTANIAN

## BAHAGIAN KEJURUTERAAN PERTANIAN

Bil. Muka Surat	9
Tarikh Kkuatkuasa	17.01.23
Bil. Pindaan	0
Tarikh Akhir Kemaskini	16.01.23

NO. PENDAFTARAN TOP:  
1.3.10/0010/BKP/0001

### TATACARA OPERASI PIAWAI PEMANTAUAN PROJEK KERJA KEJURUTERAAN

PEMILIK SOP

BAHAGIAN KEJURUTERAAN PERTANIAN SERDANG

## Tatacara Operasi Piawai Pemantauan Projek Kerja Kejuruteraan

### **1.0 Tujuan**

TOP ini disediakan sebagai rujukan kepada pegawai di Bahagian Kejuruteraan Pertanian, Jabatan Pertanian termasuk Pusat-Pusat Kejuruteraan Pertanian di negeri-negeri bagi melaksanakan kerja-kerja pemantauan projek kejuruteraan.

### **2.0 Pengenalan**

Pemantauan projek bagi perolehan kerja sama ada kerja sivil, mekanikal atau elektrik merupakan aktiviti yang sangat penting bagi menentukan projek dapat disiapkan mengikut masa dan memenuhi spesifikasi kerja seperti di dalam dokumen kontrak.

Perlantikan Pegawai Pemantau dari kalangan pegawai yang berpengalaman dan pematuhan kepada langkah-langkah yang perlu dilaksanakan oleh Pegawai Pemantau projek akan dapat memastikan kerja-kerja dan segala aktiviti di tapak bina dapat dikawal selia dengan lebih baik dan teratur serta memenuhi kualiti dan kuantiti bahan dan khidmat kerja yang dikehendaki oleh Jabatan Pertanian.

### **3.0 Skop**

TOP ini digunakan oleh pegawai pemantau yang telah dilantik oleh Pengarah Bahagian Kejuruteraan Pertanian. TOP ini merangkumi pemantauan projek yang menumpu kepada **aktiviti-aktiviti pemantauan di tapak bina** bermula selepas sahaja Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan sehingga pengeluaran Perakuan Siap Kerja.

## **4.0 Definisi**

---

### **4.1 Pelanggan:**

Pelanggan Bahagian Kejuruteraan Pertanian terdiri daripada Bahagian-bahagian di Jabatan Pertanian dan Jabatan Pertanian Negeri yang mendapat peruntukan bagi melaksanakan projek-projek kerja kejuruteraan pertanian (sivil, mekanikal dan elektrik).

### **4.2 Pegawai Penguasa (PP)**

Pegawai Penguasa (PP) adalah Pengarah Bahagian Kejuruteraan Pertanian yang diberi kuasa bagi mewakili kerajaan untuk mengawas kerja, mentadbir kontrak dan memberi arahan kerja menurut peruntukan Kontrak.

### **4.3 Wakil Pegawai Penguasa (Wakil PP)**

Wakil PP adalah terdiri daripada Timbalan Pengarah Bahagian Kejuruteraan Pertanian / Kuasa Usaha Pusat Kejuruteraan Pertanian.

### **4.4 Pegawai Pemantau**

Pegawai yang dilantik oleh Wakil PP untuk bertindak sebagai Pegawai Pemantau berdasarkan jangkamasa pelaksanaan projek.

### **4.5 Pemilik Projek**

Bahagian yang membiayai projek.

### **4.6 Projek:**

Projek yang dilaksanakan secara perolehan sebutharga kerja yang tidak melibatkan kerja-kerja struktur utama dan bernilai :

- i. Sehingga RM 50,000 bagi kerja elektrik atau RM100,000 bagi kerja sivil
- ii. Sehingga RM 500,000 dan telah mendapat kelulusan daripada Jabatan Teknik untuk dilaksanakan sendiri oleh agensi.
- iii. Mengikut pekeliling yang berkuatkuasa.

### **4.7 Dokumen Kontrak**

Dokumen kontrak adalah keseluruhan Dokumen Sebutharga dan Surat Setuju Terima (SST).

### **4.8 Mesyuarat Tapak:**

Mesyuarat yang diadakan di tapak bina untuk membincangkan status dan kemajuan projek. Kekerapan mesyuarat adalah mengikut keperluan projek yang akan ditentukan oleh PP/Wakil PP.

## **5.0 Tanggungjawab**

---

TOP ini adalah dibawah tanggungjawab Pengarah Bahagian Kejuruteraan Pertanian yang bertanggungjawab menyemak, menilai dan mengesahkan setiap butiran yang terkandung di dalamnya.

Pegawai-pegawai Bahagian Kejuruteraan Pertanian akan sentiasa mengemaskini dan menambahbaik TOP ini dari masa ke semasa bersesuaian dengan keadaan dan keperluan TOP ini.

Pegawai pemantau yang telah dilantik akan melaksanakan pemantauan dan penyeliaan di tapak bina dan memastikan kontraktor mematuhi sepenuhnya butiran seperti di dalam dokumen kontrak dan disahkan oleh Wakil PP melalui laporan Pegawai Pemantau.

## **6.0 Tatacara**


---


Langkah-langkah yang perlu dilaksanakan dalam kerja-kerja pemantauan projek:

- 6.1 Pegawai Penguasa menerima permohonan khidmat kepakaran teknikal daripada pelanggan.
- 6.2 PP/wakil PP melantik Pegawai Pemantau sebagai wakilnya untuk memantau projek.
- 6.3 Pegawai Pemantau mendapatkan maklumat dan dokumen projek yang telah disahkan oleh pemilik projek dan spesifikasi yang telah disediakan oleh Bahagian Kejuruteraan Pertanian.
- 6.4 Mengadakan mesyuarat tapak mengikut keperluan projek yang dipengerusikan oleh PP/Wakil PP.
- 6.5 Pegawai Pemantau melaksanakan lawatan pemeriksaan ke tapak bina secara berkala bersama pemilik projek dan kontraktor.
- 6.6 PP/Wakil PP mengeluarkan surat amaran kepada kontraktor sekiranya projek lewat melebihi 15%..
- 6.7 Pegawai Pemantau melaksanakan pemeriksaan akhir bersama kontraktor dan pemilik projek dan mengesahkan pematuhan sepenuhnya oleh kontraktor mengikut dokumen kontrak.
- 6.8 Pegawai Pemantau menyediakan Laporan Akhir Projek yang disahkan oleh PP/Wakil PP.
- 6.9 PP/Wakil PP mengeluarkan Perakuan Siap Kerja (PSK).
- 6.10 PP/Wakil PP memanggil mesyuarat yang dihadiri oleh Kontraktor dan Pemilik Projek bagi menentukan samada kontraktor diarahkan meneruskan projek atau sebaliknya.

- 6.11 PP/Wakil PP mengsyorkan nilai bayaran mengikut peratus siap projek.
- 6.12 PP/Wakil PP mengeluarkan Perakuan Kerja Tidak Siap (PKTS) selepas tamat tempoh kontrak dan mengenakan LAD (Liquidated Ascertained Damage) kepada kontraktor. (Sekiranya ada dalam syarat-syarat sebutharga).
- 6.13 Pegawai Pemantau melaksanakan pemeriksaan dan pemantauan bersama kontraktor dan pemilik projek dan memastikan kontraktor mempercepatkan penyiapan projek serta pematuhan sepenuhnya oleh kontraktor kepada dokumen kontrak.
- 6.14 PP/Wakil PP mengeluarkan Perakuan Siap Kerja (PSK).
- 6.15 PP/Wakil PP melaksanakan Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor.

## CARTA ALIR





## **7.0 Borang-borang**

---

Tiada.

## **8.0 Rujukan**

---

- 8.1 Garis Panduan Penyediaan Tatacara Operasi Piawai Jabatan Pertanian.
- 8.2 Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.
- 8.3 Peranan dan Tanggungjawab Pegawai Penguasa/Pengarah Projek Secara Am Dalam Mengawal Selia Projek Pembangunan Kerajaan.
- 8.4 Surat Setuju Terima, Pesanan Kerajaan Dan Inden Kerajaan Bagi Perolehan Kerajaan.
- 8.5 Prosedur Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor.

## **9.0 Lampiran**

---

- 9.1 Format Surat Setuju Terima
- 9.2 Format Inden Kerja
- 9.3 Format Perakuan Siap Kerja

## **10.0 Pematuhan**




---

Kegagalan pegawai untuk mematuhi TOP Pemantauan Projek Jabatan Pertanian boleh dikenakan Tindakan Tatatertib di Bawah Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

## **11.0 Tarikh Kuatkuasa**

---

TOP ini berkuatkuasa pada 17 Januari 2023.

<b>BUTIRAN</b>	<b>DISEDIAKAN OLEH:</b>	<b>DISEMAK OLEH:</b>	<b>DISAHKAN OLEH:</b>
<b>Tandatangan :</b>			
<b>Nama :</b>	<b>Radzdy bin Guatching</b>	<b>Muhammad Syaifudin bin Omar</b>	<b>Airul Asmiza binti Khaeruddin</b>
<b>Jawatan :</b>	<b>Ketua Penolong Pengarah</b>	<b>Timbalan Pengarah</b>	<b>Pengarah Bahagian Kejuruteraan Pertanian</b>
<b>Tarikh :</b>	<b>16 Januari, 2023</b>	<b>16 Januari, 2023</b>	<b>16 Januari, 2023</b>

# LAMPIRAN

No. Sebut harga/Kontrak :

LAMPIRAN 8

**SURAT SETUJU TERIMA**  
(Bagi Sebut harga Kerja)  
Untuk Perolehan Bagi Kerja Pembinaan

Rujukan Kami :

Tarikh :

**NAMA DAN ALAMAT SYARIKAT**

Tuan,

Sebut harga Untuk : CONTOH: KERJA-KERJA NAIKTARAF SISTEM PENGAIRAN

.....  
.....

**No. \*Sebut harga/ Kontrak :**

Dengan ini dimaklumkan bahawa Kerajaan telah bersetuju menerima tawaran sebut harga tuan dengan harga sebanyak Ringgit \_\_\_\_\_ (RM \_\_\_\_\_) yang merupakan harga kontrak bagi tempoh kontrak selama **10 minggu** tertakluk kepada dokumen sebut harga menjadi sebahagian daripada perolehan ini dan Surat Setuju Terima ini berserta dengan **Lampiran A** kepada Surat Setuju Terima iaitu maklumat terperinci kontrak (selepas ini disebut sebagai "Surat ini").

2. Dengan pengakuan penerimaan Surat ini berserta lampiran berkaitan, suatu kontrak yang mengikat terbentuk di antara Kerajaan dengan syarikat tuan. Satu dokumen kontrak hendaklah ditandatangani dalam kadar segera dengan memasukkan semua terma sebagaimana dokumen sebut harga serta semua terma dalam **Lampiran A**. Sehingga dokumen kontrak tersebut ditandatangani, Surat ini hendaklah terus mengikat kedua- dua pihak.

3. Pelarasan harga dan kadar harga dalam \*Jadual Kadar Harga dan/atau Ringkasan Sebut harga atau Senarai Kuantiti, mengikut yang mana berkenaan setelah diteliti dan diselaraskan oleh Kerajaan tentang kemunasabahannya, yang mana akan menjadi sebahagian daripada terma-terma kontrak. Walau bagaimana pun, Jumlah Harga Kontrak seperti di atas adalah kekal tidak berubah.

4. Tarikh milik tapak seperti yang disebutkan dalam Syarat-syarat Kontrak ialah pada ..... Walau bagaimanapun, tuan adalah diingatkan bahawa tiada kerja boleh dibuat **melainkan** jika tuan telah mengemukakan kepada Kerajaan dokumen-dokumen berikut:

\*(a) suatu bon pelaksanaan yang tidak boleh dibatalkan yang berjumlah **Ringgit sahaja (RM.....)** dan jikalau Bon Pelaksanaan gagal dikemukakan pada tarikh milik tapak, Kerajaan berhak untuk melaksanakan kaedah Wang Jaminan Pelaksanaan;

\*(b) suatu polisi Insurans Tanggungan Awam (iaitu insurans terhadap bencana kepada orang-orang dan kerosakan kepada harta) nilai insurans tidak kurang daripada **Ringgit Sahaja (RM.....)**.

Tandatangan &amp; Cop (Kerajaan) : .....

Tandatangan &amp; Cop (Syarikat) : .....

No. Sebut harga/Kontrak :

\*(c) suatu polisi Insurans Kerja yang berjumlah: **Ringgit Sahaja (RM.....)**

\*(d) nombor Kod Majikan di bawah Skim PERKESO dan/atau Polisi Pampasan Pekerja,

mengikut ketetapan seperti di **Lampiran A**. Walau bagaimanapun, bagi memulakan kerja-kerja dan bukan maksud lain, tuan boleh menyerahkan Nota-nota Liputan bagi maksud polisi-polisi insurans tersebut dan resit-resit premium yang telah dibayar itu kepada Pegawai Inden. Tuan dikehendaki menyerahkan Polisi- polisi Insurans yang berkenaan (jika belum diserahkan) menurut perenggan ini, dalam tempoh tidak lewat 30 hari daripada tarikh penyerahan Nota-nota Liputan. Apa-apa kegagalan dalam mematuhi kehendak di perenggan ini dalam tempoh masa yang ditetapkan, boleh mengakibatkan Surat ini terbatal dan Kerajaan tidaklah dengan apa-apa cara jua bertanggungjawab terhadap tuan **melainkan jika** penepian bertulis diberikan oleh orang yang diberi kuasa, bagi kerja yang perlu dibuat dengan segera atau serta-merta apabila kelewatan itu akan memudarat dan menjejaskan perkhidmatan dan kepentingan awam.

5. Setelah arahan dikeluarkan oleh Kerajaan, tuan dikehendaki melaksanakan kerja dalam tempoh yang ditetapkan dan kualiti kerja tersebut hendaklah memuaskan hati serta memenuhi kehendak Kerajaan. Sekiranya tuan gagal melaksanakan kerja dalam tempoh yang ditetapkan, Kerajaan berhak membatalkan arahan yang dikeluarkan.

6. Syarikat tuan juga adalah diingatkan bahawa Kerajaan berhak untuk membatalkan Surat ini sekiranya:

- (a) syarikat tuan gagal mematuhi mana-mana terma di perenggan 4 dalam tempoh masa yang ditetapkan;
- (b) syarikat tuan gagal mematuhi mana-mana terma yang dinyatakan dalam Surat Akuan Pembida Berjaya;
- (c) syarikat tuan gagal memulakan kerja dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh milik tapak;
- (d) syarikat tuan telah membuat salah nyataan (*misrepresentation*) atau mengemukakan maklumat palsu semasa berurusan dengan Kerajaan bagi perolehan ini atau melakukan apa-apa perbuatan lain, seperti memalsukan maklumat dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, mengemukakan bon pelaksanaan atau dokumen lain yang palsu atau yang telah diubah suai;
- (e) syarikat tuan membenarkan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat disalahgunakan oleh individu/syarikat lain;

No. Sebut harga/Kontrak :

- (f) syarikat tuan terlibat dalam membuat pakatan harga dengan syarikat-syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses sebut harga sehingga dokumen kontrak ditandatangani;
- (g) syarikat tuan telah memberikan subkontrak sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya perkhidmatan tanpa kelulusan Kerajaan terlebih dahulu. Sekiranya Kerajaan meluluskan permohonan syarikat tuan untuk memberikan subkontrak sebahagian kerja atau keseluruhan kerja, kelulusan tersebut adalah tertakluk kepada syarikat tuan mengikat perjanjian hak (*Deed Of Assignment*) dengan Subkontraktor terlebih dahulu;
- (h) syarikat gagal menyempurnakan kerja dalam tempoh yang ditetapkan seperti di **Lampiran A**;
- (i) syarikat tuan gagal mematuhi mana-mana terma/arahan di dalam dokumen sebut harga;
- (j) syarikat tuan/ pemilik/ rakan kongsi/ pengarah telah disabitkan atas kesalahan jenayah di dalam atau luar Malaysia;
- (k) syarikat tuan digulungkan;
- (l) syarikat tuan membekal barang-barang yang tidak tulen, bukan baharu atau yang terpakai;
- (m) kontraktor gagal/mungkir dalam melaksanakan tanggung jawabnya sepertimana ditetapkan dalam Syarat-syarat Kontrak;
- (n) syarikat tuan tidak mendapat kelulusan daripada Kerajaan terlebih dahulu bagi apa-apa penjualan atau pemindahan ekuiti sepanjang tempoh kontrak ini berkuat kuasa; atau
- (o) terdapat perkara yang melibatkan kepentingan awam atau keselamatan dan kepentingan negara.

7. Sekiranya Surat ini dibatalkan atas alasan seperti yang ditetapkan di perenggan 6, Kerajaan tidak akan bertanggung terhadap apa-apa kerugian syarikat tuan termasuk kerugian masa hadapan.

8. Bersama-sama Surat ini disertakan Surat Akuan Pembida Berjaya dan Surat Akuan Sumpah Syarikat seperti di **Lampiran B** dan **Lampiran C** untuk ditandatangani oleh syarikat tuan dan dikembalikan bersama-sama dengan Surat ini.

9. Syarikat tuan juga adalah dikehendaki untuk mengemukakan dokumen berikut bersama-sama dengan Surat ini yang telah ditandatangani balas oleh tuan, untuk kelulusan Pegawai Inden sebelum memulakan kerja di tapak bina:

- (a) Senarai nama subkontraktor berserta pengalamannya dengan menyatakan bahagian kerja yang terlibat; dan
- (b) Program Kerja bagi pelaksanaan projek ini.

No. Sebut harga/Kontrak :

10. Berdasarkan kepada Tempoh Siap Kerja yang disebut hargakan selama **10 hari/minggu/bulan\***, Tarikh Siap untuk seluruh kerja-kerja di bawah kontrak ini ialah pada **19 Julai 2021**.

11. Surat ini dihantar kepada syarikat tuan dalam tiga (3) salinan. Sila kembalikan ke pejabat ini salinan asal dan kedua berserta lampiran yang berkaitan yang telah ditandatangani dengan sempurna oleh syarikat tuan dan saksi syarikat tuan tidak melebihi \*3/7/14 hari dari tarikh surat ini diterima untuk tindakan kami selanjutnya. Apa-apa kegagalan dalam mematuhi kehendak di perenggan ini dalam tempoh masa yang ditetapkan boleh mengakibatkan Surat ini terbatal dan Kerajaan tidaklah dengan apa-apa jua bertanggungjawab terhadap syarikat tuan.

Sekian, terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,

.....  
(AIRUL ASMIZA BINTI KHAERUDDIN)  
Pengarah  
Bahagian Kejuruteraan Pertanian  
Jabatan Pertanian Malaysia

No. Sebut harga/Kontrak :

**PENGAKUAN PENERIMAAN SURAT SETUJU TERIMA DAN LAMPIRAN YANG BERKAITAN OLEH SYARIKAT**

Dengan ini disahkan bahawa yang bertandatangan di bawah ini mengakui penerimaan Surat ini dan lampiran yang berkaitan yang rujukannya ialah \_\_\_\_\_ bertarikh 30 April 2021 dan bersetuju dengan terma dan syarat yang terkandung dalam Surat ini tanpa syarat yang mana salinan kepada Surat ini telah pun disimpan, dan selanjutnya disahkan bahawa tiada apa-apa terma, syarat atau stipulasi tambahan kepada yang terkandung dalam dokumen sebut harga dan Surat ini telah dikenakan.

.....  
Nama Penuh :  
No. Kad Pengenalan :  
Alamat :  
Tarikh :

.....  
Nama Penuh :  
No. Kad Pengenalan :  
Alamat :  
Tarikh :

Meterai atau Cop Syarikat

*\*potong mana yang tidak berkenaan*

No. Sebut harga/Kontrak :

**Lampiran A**

**BUTIRAN KONTRAK**

**KERJA-KERJA NAIKTARAF SISTEM PENGAIRAN SEDIA ADA KEPADA SMART FERTIGATION SYSTEM (SFS) DAN SMART MISTING SYSTEM (SMS) LENGKAP DENGAN TEKNOLOGI IOT (INTERNET OF THINGS) SERTA KERJA-KERJA LAIN YANG BERKAITAN DI TKPM SERDANG, SELANGOR**

**1. Pendaftaran Syarikat Dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) Atau Pendaftaran Koperasi Dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) (jika berkaitan)**

- 1.1 No. Pendaftaran : .....
- 1.2 Tempoh Sah Laku : ..... - .....

**2. Pendaftaran dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) Di Bawah Perakuan Pendaftaran Kontraktor**

- 2.1 No. Pendaftaran : .....
- 2.2 Tempoh Sah Laku : .....
- 2.3 Gred : .....
- 2.4 Kategori : B, CE, ME .....
- 2.5 Pengkhususan : B04, CE21, E01, E02, E04, E05, E06, E09, E10, E11, E15, E16, E17, E18, E21, E26, E32, M01, M15

**3. Pendaftaran dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) Di Bawah Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (jika berdaftar)**

- 3.1 No. Pendaftaran : .....
- 3.2 Tempoh Sah Laku : .....
- 3.3 Gred : G2 .....
- 3.4 Kategori : B, CE, ME .....
- 3.5 Pengkhususan : B04, CE21, E01, E02, E04, E05, E06, E09, E10, E11, E15, E16, E17, E18, E21, E26, E32, M01, M15

**4. Pendaftaran dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) (Sijil Bumiputera) (jika berdaftar)**

- 4.1 No. Pendaftaran : .....
- 4.2 Tempoh Sah Laku : .....
- 4.3 Gred Kontraktor : G2 .....

**5. Pendaftaran dengan Pusat Pendaftaran Kontraktor Kerja, Bekalan Perkhidmatan Negeri Sabah (PUKONSA) (jika berdaftar)**

- 5.1 No. Pendaftaran : .....
- 5.2 Tempoh Sah Laku : .....
- 5.3 Gred Kontraktor : .....

No. Sebut harga/Kontrak :

5.4 Kepala : .....

5.5 Sub Kepala : .....

**6. Pendaftaran dengan Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak (UPKJ) (jika berdaftar)**

6.1 No. Pendaftaran : .....

6.2 Tempoh Sah Laku : .....

6.3 Gred Kontraktor : .....

6.4 Kod Bidang : .....

**7. Harga dan Tempoh Kontrak**

7.1 Harga Sebut harga RM  
(butiran harga seperti di **Lampiran A1**)

7.2 Harga Kontrak : **RM**.....

7.3 Tempoh Kontrak : .....**10**.....minggu

7.4 Tarikh Milik Tapak : .....

7.5 Tarikh Siap Kerja : .....

**8. \*Bon Pelaksanaan**

8.1 Kadar Bon Pelaksanaan : **5%**

8.2 Formula Bon Pelaksanaan : **5% x RM**

8.3 Nilai Bon Pelaksanaan : **RM)**

8.4 Bentuk Bon Pelaksanaan : Jaminan Bank/ Bank Islam/ Bank Pembangunan Malaysia Berhad; atau Jaminan Syarikat Kewangan; atau Jaminan Insurans/ Takaful.

Jikalau Bon Pelaksanaan gagal dikemukakan pada tarikh milik tapak, Kerajaan berhak untuk melaksanakan kaedah Wang Jaminan Pelaksanaan

8.5 Tempoh Sah Laku : \*Dari tarikh kuat kuasa kontrak sehingga 6 bulan selepas Tarikh Siap Kerja

Tandatangan & Cop (Kerajaan) : .....

Tandatangan & Cop (Syarikat) : .....

No. Sebut harga/Kontrak :

Mengikut format yang ditetapkan oleh Kerajaan seperti di **Lampiran 1**

**9. \*Polisi Insurans Kerja**

9.1 Nilai Polisi : **RM**

9.2 Tempoh Perlindungan : **meliputi tempoh kontrak**

**10. \*Polisi Insurans Tanggungan Awam**

10.1 Nilai Polisi : **RM**

10.2 Tempoh Perlindungan : **Meliputi tempoh kontrak, tempoh tanggungan kecacatan dan 3 bulan 14 hari.**

*\*potong mana yang tidak berkenaan*

No. Sebut harga/Kontrak :

**Salinan Kepada :**

Ketua Setiausaha Perbendaharaan  
Bahagian Perolehan Kerajaan  
Aras 4 Blok Utara  
Kementerian Kewangan  
Presint 2  
**62592 PUTRAJAYA**  
(u.p. : Ketua Seksyen Dasar Perolehan)

Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif  
Ibu Pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia  
Menara Hasil  
Aras 18, Persiaran Rimba Permai, Cyber 8  
**63000 CYBERJAYA**

Ketua Eksekutif  
Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia  
Tingkat 10, No. 45, Menara Dato' Onn  
Pusat Dagangan Dunia Putra  
Jalan Tun Ismail  
**50480 KUALA LUMPUR**

Ketua Setiausaha  
Kementerian Kerja Raya Malaysia  
Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan  
Aras 5, Blok Menara, Menara Usahawan  
No. 18, Persiaran Perdana, Presint 2  
**62652 PUTRAJAYA**  
(u.p. : Setiausaha Bahagian)

Sekretariat  
Majlis Perundingan  
Gaji Negara  
Kementerian Sumber Manusia  
Aras 7, Blok D3, Kompleks D  
**62530 PUTRAJAYA**

Tandatangan & Cop (Kerajaan) : .....

Tandatangan & Cop (Syarikat) : .....

No. Sebut harga/Kontrak :

**Lampiran B****SURAT AKUAN PEMBIDA BERJAYA****KERJA-KERJA NAIKTARAF SISTEM PENGAIRAN**

Saya, ..... nombor K.P. .... yang mewakili .....  
 .....(nama syarikat) nombor pendaftaran.....  
 (\*MOF/CIDB/SSM) dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan** atau mana-mana individu lain, sebagai ganjaran untuk dipilih dalam \*sebut harga/tender seperti di atas. Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan** atau mana-mana individu lain sebagai ganjaran mendapatkan \*sebut harga/tender seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi \*sebut harga/tender di atas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi \*sebut harga/tender di atas; dan
- 2.3 lain-lain tindakan mengikut peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat kuasa.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai ganjaran mendapatkan \*sebut harga/tender seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....  
 (Nama dan No. KP)

Cop Syarikat :

Catatan:

- i) \* Potong mana yang tidak berkenaan
- ii) Surat akuan ini hendaklah dikemukakan bersama Surat Perwakilan Kuasa

10 daripada 11

Tandatangan &amp; Cop (Kerajaan) : .....

Tandatangan &amp; Cop (Syarikat) : .....

No. Sebut harga/Kontrak :

**Lampiran C**

**SURAT AKUAN SUMPAH SYARIKAT**

Saya..... nombor kad pengenalan .....  
yang mewakili syarikat ..... nombor pendaftaran.....  
(\*MOF/CIDB/SSM) dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (a) syarikat **TIDAK** membuat salah nyataan (*misrepresentation*) atau mengemukakan maklumat palsu semasa berurusan dengan Kerajaan bagi perolehan ini atau melakukan apa-apa perbuatan lain, seperti memalsukan maklumat dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, mengemukakan bon pelaksanaan atau dokumen lain yang palsu atau yang telah diubah suai;
- (b) syarikat **TIDAK** membenarkan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat disalahgunakan oleh individu/syarikat lain;
- (c) syarikat **TIDAK** terlibat dalam membuat pakatan harga dengan syarikat-syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses \*sebut harga/tender sehingga dokumen kontrak ditandatangani;
- (d) syarikat/ pemilik/ rakan kongsi/ pengarah **TIDAK** disabitkan atas kesalahan jenayah di dalam atau luar Malaysia; dan
- (e) syarikat **TIDAK** digulungkan.

Sekiranya pada bila-bila masa, dibuktikan bahawa pengisytiharan perenggan di atas adalah tidak benar, Kerajaan berhak menarik balik tawaran kontrak atau menamatkan perkhidmatan syarikat bagi projek ini.

Dan saya membuat Surat Akuan Bersumpah ini dengan kepercayaan bahawa apa-apa yang tersebut di dalamnya adalah benar serta menurut Akta Akuan Berkanun 1960.

Diperbuat dan dengan )  
 sebenar-benarnya diakui oleh )  
 ) Tandatangan.....  
 )  
 di..... )  
 pada ..... )

Di hadapan saya,

.....  
Pesuruhjaya Sumpah

Catatan:

- i. \*Potong mana yang tidak berkenaan.
- ii. Surat akuan ini hendaklah ditandatangani oleh hanya penama di sijil pendaftaran MOF/CIDB.

Tandatangan & Cop (Kerajaan) : .....

Tandatangan & Cop (Syarikat) : .....



KERAJAAN MALAYSIA  
INDEN KERAJAAN  
(PELAKSANAAN KERJA)

(J.K.R. 58E - 2020)  
Muka Surat 1/3

Tahun Kewangan 2022

Kaedah Perolehan *Sila potong mana yang tidak berkenaan	Kod Pejabat Perakaunan	Kod Pegawai Pengawal Pembayar	No. Dokumen	Tarikh Dokumen

Kod Kump. PTJ & PTJ Pembayar	No. Lantikan Terus/Requisition/Sebut Harga	No. Rujukan Fall
KUMPULAN PTJ KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI		

Kod & Nama Kontraktor	Alamat Kontraktor	No. Pendaftaran	
		Sila tandakan "I" di petak yang berkaitan:	
		I	SSM
			CIDB
			SPKK/PUKONSAIUPKJ
			STB (BPKU) (Untuk Bumiputera sahaja)
			JKDM

KOO DIPERTANGGUNG											
Bii	No. Asef & Subnombor	Pegawai Pengawal	Kump PTJ & PTJ	Vol/Dana	Program/ Aktiviti	Projek	Sella	Sub Setla	CP	Kod Akaun	Amaun (RM)

Penyedia		Cap Jabatan	
Jawatan		Tarikh	
Pelulus		Cap Jabatan	
Jawatan		Tarikh	
Oibatalkan		Cap Jabatan	
Jawatan		Tarikh	
No. Dokumen Kawalan			

NI-KONTRAKTOR:	
Tandatangan: Cap Jabatan:	Tandatangan: Cap Syarikat

JABATAN PERTANIAN MALAYSIA

BAHAGIAN KEJURUTERAAN PERTANIAN, SERDANG

**PERAKUAN SIAP KERJA**

(Sebut Harga Kerja)

Rujukan :

Bahagian Kejuruteraan Pertanian  
Beg Berkunci 201, Pejabat Pos UPM,  
43400 Serdang, Selangor

Tarikh : \_\_\_\_\_

**NAMA DAN ALAMAT SYARIKAT**

Berdaftar dengan CIDB dalam kelas \_\_\_\_\_

No Sebut Harga: \_\_\_\_\_

Sebut Harga untuk \_\_\_\_\_ **(TAJUK SEBUTHARGA)** \_\_\_\_\_

Menurut Syarat-syarat Sebut Harga, dan tertakluk kepada penyiapan berkaitan dengan pembaikan apa-apa kecacatan, ketidaksempurnaan, kesusutan atau apa-apa kerosakan lain apajupun sebagaimana yang dikehendaki di bawah Syarat-syarat Sebut Harga dan yang mungkin terzahir dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan maka adalah dengan ini diperakui bahawa seluruh Kerja seperti yang disebut di atas telah siap sejajar dengan syarat-syarat dalam dokumen sebutharga pada \_\_\_\_\_ dan diambil milik pada \_\_\_\_\_ dan dengan itu Tempoh Tanggungan Kecacatan untuk kerja tersebut bermula pada \_\_\_\_\_ dan akan berakhir pada \_\_\_\_\_.

.....  
(Pegawai Inden)

Nama Penuh : .....

Nama Jawatan : .....

- s.k :
- Pengarah Bahagian Kejuruteraan Pertanian
  - Timbalan Ketua Pengarah Pertanian ( Pembangunan Industri & Pengembangan)
  - Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan
  - Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia
  - Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan Negeri Selangor